



**Suruhanjaya Tenaga**

(*Energy Commission*)

No. 12, Jalan Tun Hussein,

Precinct 2,

62100 Putrajaya,

Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## KENYATAAN MEDIA

28 JUN 2019

### **Pelarasan Tarif Elektrik Di Semenanjung Malaysia**

#### **Bagi Tempoh 1 Julai 2019 – 31 Disember 2019**

**Putrajaya, 28 Jun** – Kerajaan telah bersetuju untuk mengekalkan kadar semasa surc妖 tarif elektrik sebanyak 2.55 sen/kilowatt-jam (kWj) untuk pengguna bukan domestik, khususnya pengguna komersial, industri dan lain-lain bagi tempoh 1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019. Tiada pengenaan surc妖 tarif elektrik kepada pengguna domestik.

Berdasarkan hasil semakan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) pada setiap 6 bulan yang dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019, berlaku peningkatan dalam kos bahan api dan kos penjanaan lain. Ini telah menyebabkan surc妖 ICPT sebanyak RM1,592.13 juta iaitu bersamaan dengan 2.94 sen/kWj.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kos penjanaan dalam mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh tersebut ialah peningkatan harga purata bahan api arang batu kepada USD99.235/tan metrik, berbanding harga yang telah diunjurkan dalam tarif asas bagi tempoh kawal selia kedua IBR (*Regulatory Period 2 - RP2 : 2018 hingga 2020*) iaitu USD75/tan metrik. Peningkatan harga bahan api arang batu adalah di luar kawalan Kerajaan kerana ia adalah berdasarkan harga pasaran global.

Dalam tempoh yang sama, melalui tatacara dan metodologi mekanisme IBR RP2 terdapat penjimatan daripada pelarasan hasil TNB yang berjumlah RM336.70 juta. Oleh itu, Kerajaan telah memutuskan supaya penjimatan tersebut digunakan sepenuhnya untuk mengurangkan surc妖 ICPT bersekali dengan peruntukan daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik berjumlah RM107.16 juta bagi meringankan beban rakyat.

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Justeru itu, Kerajaan menetapkan bahawa baki surcaj ICPT sebanyak RM1,148.27 juta atau bersamaan 2.55 sen/kWj di Semenanjung bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2019 akan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) kadar tarif asas adalah kekal pada 39.45 sen/kWj;
- (ii) tiada surcaj tarif elektrik yang akan dikenakan kepada pengguna domestik; dan
- (iii) kadar surcaj tarif elektrik sebanyak 2.55 sen/kWj akan dilepaskan kepada pengguna bukan domestik, yang juga merupakan kadar surcaj ICPT yang telah dilaksanakan sebelum ini iaitu bagi tempoh Mac hingga Jun 2019.

Sebagai langkah untuk meminimumkan kesan kenaikan kos penjanaan elektrik, para pengguna digalakkan untuk melaksanakan langkah-langkah menggunakan elektrik dengan cekap. Tips bagi menggunakan elektrik dengan cekap boleh didapati di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad serta aplikasi telefon bimbit *myTNB*.

Pada masa yang sama, pengguna kini boleh menganggarkan kesan ICPT pada masa akan datang dengan menggunakan Kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui portal [www.myelectricitybill.my](http://www.myelectricitybill.my). Kalkulator tersebut akan membantu pengguna menganggarkan bil elektrik bulanan mereka bagi tempoh 1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2020 dan membantu para pengguna elektrik khususnya pengguna komersial dan industri untuk membuat perancangan kewangan dengan lebih berkesan.

\*\*\*Tamat\*\*\*

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliaty Mali*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliaty)*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitisuhaila@st.gov.my](mailto:sitisuhaila@st.gov.my)/[zairulliaty@st.gov.my](mailto:zairulliaty@st.gov.my)*

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.